Shamala a/p Sathiyaseelan v Dr Jeyaganesh a/l C Mogarajah

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — SAMAN PEMULA NO S8–24–3586 TAHUN 2002
RAUS SHARIF H
26 APRIL 2003

Acara Sivil *— Bidang kuasa mahkamah — Mahkamah Tinggi — Plaintif memohon hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan serta nafkah ke atas anak-anak — Sama ada defendan masih tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil selepas memeluk agama Islam*

Plaintif telah berkahwin dengan defendan dan mereka mempunyai dua orang anak lelaki. Disebabkan masalah rumahtangga, plaintif telah memfailkan saman pemula ini untuk melindungi dirinya dan anak-anaknya. Defendan pula telah memeluk agama Islam bersama kedua-dua anak tersebut, sebulan sebelum saman pemula ini difailkan. Melalui saman pemula, plaintif telah memohon, antara lain, agar diberi hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak-anak beliau, wang nafkah serta perintah-perintah lain yang dianggap adil dan sesuai. Persoalan awalan untuk diputuskan oleh Mahkamah Tinggi adalah sama ada defendan, setelah memeluk agama Islam, tidak lagi tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Defendan menimbulkan bantahan awalan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan permohonan plaintif. Mahkamah Tinggi telah menolak bantahan awal defendan tersebut dan mengarahkan supaya pendengaran permohonan saman pemula tersebut diteruskan. Defendan tersebut merayu ke Mahkamah Rayuan.

Diputuskan, menolak bantahan awal defendan:

(1) Walaupun defendan sekarang beragama Islam, tetapi fakta kes ini menunjukkan bahawa plaintif dan defendan telah berkahwin di bawah Akta tersebut sebelum defendan memeluk agama Islam. Kesahihan perkahwinan defendan dengan plaintif masih tertakluk di bawah s 8 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Penceraian) 1976 (Akta tersebut') (lihat ms 519G–H). Meskipun plaintif dan defendan tidak lagi tinggal bersama ataupun meneruskan kehidupan mereka sebagai suami isteri setelah defendan memeluk agama Islam, perkahwinan mereka dianggap berterusan sehinggalah ianya dibubarkan di bawah mana-mana keadaan di bawah s 8 Akta tersebut. Dengan ini, defendan masih tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Tinggi (lihat ms 520A).

(2) Tambahan pula, permohonan plaintif di sini ialah berkaitan hak jagaan dan kebajikan anak-anak serta nafkah. Sudah tentu plaintif tidak boleh lari dari tanggungjawabnya untuk menanggung anak-anak tersebut (lihat ms 520B). Mahkamah sivil memang

mempunyai kuasa untuk mendengar permohonan perceraian dan relif sampingan yang dipohon oleh seseorang bukan Islam di mana salah seorang yang terlibat telah memeluk agama Islam (lihat ms 520B–C); *Ganga Devi Chelliah lwn Santanan Damondran* [2001] 2 CLJ 359 diikut. Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa prosiding yang melibatkan permohonan untuk relif ansiliari di antara kedua-dua belah pihak yang telah berkahwin di bawah Akta tersebut boleh didengar oleh Mahkamah Tinggi melalui bidang kuasa yang diberi di bawah s 24(a) Akta Kehakiman Mahkamah 1964 walaupun sesuatu pihak telah memeluk agama Islam sebelum permohonan tersebut dibicarakan (lihat ms 520C–D); *Tay Sung Moi v Too Min Kin* [1994] 3 CLJ 708 diikut.

[English summary

The plaintiff had married the defendant and they had two sons. Due to problems in the marriage, the plaintiff had filed an originating summons to protect herself and her sons. The defendant had embraced Islam together with the two children, a month before the originating summons was filed. By the originating summons, the plaintiff had sought, inter alia, custody, care and control over her children, maintenance and other orders which were just and fit. The preliminary issue to be decided by the High Court was whether the defendant, who has since embraced Islam, was no longer subjected under the jurisdiction of the civil courts. The defendant had raised a preliminary objection that the High Court did not have jurisdiction to hear the plaintiff's application. The High Court dismissed the preliminary objection and directed that hearing for the application for originating summons be continued. The defendant had appealed to the Court of Appeal.

Held, dismissing the defendant's premilinary objection:

(1) Even though the defendant now was a Muslim, the facts of the case showed that the plaintiff and the defendant had married under the Act before the defendant embraced Islam. The validity of the marriage between the defendant and the plaintiff was still subjected to s 8 of the Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 ('the Act') (lihat ms 519G–H). Even if the plaintiff and the defendant no longer lived together or resumed living as husband and wife after the defendant had embraced Islam, their marriage was still in existence untul it is dissolved under any circumstances under s 8 of the Act. Thus, the defendant was still subjected to the jurisdiction of the High Court (see p 520A).

(2) Moreover, the plaintiff's application here was related to the right of custody anf welfare of the children and maintenance. Of course, the plaintiff could not run away from her responsibility

to support the children (see p 520B). The civil courts had inherent powers to hear divorce application and an ancillary relief sought by a non-Muslim whereby one of them had embraced Islam (see p 520B–C); *Ganga Devi Chelliah lwn Santanan Damondran* [2001] 2 CLJ 359 followed. The Supreme Court had decided that the proceedings which involved application for ancillary relief between two parties who were married under the Act could be heard by the High Court by virtue of the jurisdiction vested under s 24(a) of the Courts of Judicature Act 1964 even if one party had embraced Islam before the application was set for trial (see p 520C–D); *Tay Sung Moi v Too Min Kin* [1994] 3 CLJ 708 followed.

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai bidang kuasa Mahkamah Tinggi, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 3892–33893.

Kes-kes yang dirujuk

Ganga Devi Chelliah lwn Santanan Damondran [2001] 2 CLJ 359 (diikut)

Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib [1993] 2 MLJ 793 (dirujuk)

Nor Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor [1997] 1 MLJ 537 (dirujuk)

Tay Sung Moi v Too Min Kin [1994] 3 CLJ 708 (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kehakiman Mahkamah 1964 s 24(a)

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 s 3(3)

Perlembagaan Persekutuan perkara 121(1A)

Parameswary (*R Kandiah* dan *Ravi Nekoo* bersama beliau) (*Nekoo Parames & Ting*) bagi pihak plaintif.

Rubiah Jaffar (*Muralee Menon* bersama beliau) (*Jaffar & Menon*) bagi pihak defendan.

Raus Sharif H: Melalui saman pemula bertarikh 31 Disember 2002, plaintif telah memohon perkara-perkara berikut:

(i) plaintif diberi hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anak-anak yang bernama Saktiswaran dan Theiviswaran ('anak-anak' tersebut');

(ii) wang nafkah sebanyak RM1,500 setiap bulan sehingga anak-anak tersebut berumur 21 tahun dibayar oleh defendan kepada plaintif bagi anak-anak tersebut;

(iii) akses diberikan kepada defendan pada setiap minggu pada hari Ahad pada pukul 10 pagi hingga 6 petang dengan kehadiran plaintif di rumah plaintif;

(iv) lain-lain perintah yang dianggap adil dan sesuai oleh mahkamah yang mulia ini; dan

(v) kos permohonan ini ditanggung oleh defendan.

Pada 12 Mac 2003, semasa saman pemula ini hendak dibicarakan, defendan telah menimbulkan bantahan awalan bahawa mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan permohonan plaintif atas alasan-alasan berikut:

(a) bahawa defendan dan anak-anak tersebut telah memeluk agama Islam.

(b) bahawa melalui perintah Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam bertarikh 28 Januari 2003, antara lain telah memerintahkan hak jagaan sementara ke atas anak-anak tersebut diberikan kepada defendan.

(c) bahawa tidak terdapat peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 untuk membolehkan mahkamah ini untuk mengenepikan, mengubah atau membuat perintah berlawanan dengan perintah mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

Setelah mendengar penghujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah ini telah menolak bantahan awalan defendan tersebut dan mengarahkan supaya pendengaran permohonan saman pemula tersebut diteruskan. Defendan yang tidak berpuashati terhadap keputusan saya itu merayu ke Mahkamah Rayuan.

Secara ringkasnya fakta kes ini menunjukkan bahawa plaintif telah berkahwin dengan defendan pada tahun 1978 di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 ('Akta tersebut'). Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan dengan dua orang anak lelaki, Saktiswaran (tiga tahun tiga bulan) dan Theiviswaran (setahun lapan bulan). Apabila timbul beberapa masalah rumahtangga di antara kedua-dua belah pihak, plaintif telah memfailkan saman pemula ini atas alasan untuk melindungi dirinya dan anak-anaknya. Dalam pada itu, defendan telah pula memeluk agama Islam bersama kedua-dua anak tersebut, iaitu sebulan sebelum saman pemula ini difailkan. Walau bagaimanapun, anak-anak tersebut sekarang tinggal bersama-sama plaintif.

Persoalan awalan yang dipohon untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada defendan setelah memeluk agama Islam tidak lagi tertakluk di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Peguam defendan yang bijaksana di dalam hujahannya untuk menyokong mengapa mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan plaintif telah antara lain merujuk kepada autoriti-autoriti berikut:

(a) Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan:

A The court referred to in clause (1) shall have no jurisdiction in respect of any matter within the jurisdiction of the Syariah Court.

(b) *Mohamed Habibullah bin Mahmood v Faridah bte Dato Talib* [1993] 2 MLJ 793 at p 804:

B Article 121(1A) of the Federal Constitution has granted exclusive jurisdiction to the Syariah Courts in the administration of personal and family Islamic laws. In other words, art 121(1A) is a provision to prevent conflicting jurisdiction between civil courts and the Syariah Courts.

(c) *Genga Devi Chelliah lwn Santanan Damondran* [2001] 2 CLJ 359:

Per Justice Rahmah Hussain:

C Walaupun Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan perceraian dan relif sampingan yang dipohon oleh seorang bukan Islam di mana salah seorang daripada pihak yang terlibat telah memeluk agama Islam, tetapi ia tidak bermaksud bahawa Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa untuk mengenepikan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah.

D (d) *Nor Kursiah bte Baharuddin v Shahril bin Lamin & Anor* [1997] 1 MLJ 537 at p 542:

This High Court therefore has no jurisdiction to question the validity of the order which made in respect of a matter which is obviously within the jurisdiction of the Syariah High Court.

E Dengan penuh hormatnya kepada peguam defendan yang bijaksana, saya berpendapat bahawa isu sebenar dalam bantahan awalan ini bukanlah untuk mahkamah ini mengenepikan apa-apa perintah Mahkamah Tinggi Syariah, tetapi sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar relif-relif ansiliari seperti yang dipohon oleh plaintif. Dalam F memutuskan sama ada mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar permohonan plaintif, saya memang sedar akan peruntukan s 3(3) Akta tersebut yang memperuntukkan bahawa Akta tersebut tidak terpakai kepada seseorang yang beragama Islam. Untuk menjadi jelas, diperturunkan s 3(3) Akta tersebut yang berbunyi:

G This Act shall not apply to a Muslim or to any person who is married under Muslim Law and no marriage of one of the parties professes the religion of Islam shall be solemnized or registered under this Act.

Namun demikian, walaupun defendan sekarang beragama Islam, tetapi fakta kes ini menunjukkan bahawa plaintif dan defendan telah berkahwin di bawah Akta tersebut sebelum defendan memeluk agama Islam. Kesahihan H perkahwinan defendan dengan plaintif masih tertakluk di bawah Akta tersebut di mana s 8 memperuntukkan seperti berikut:

Every marriage solemnized in Malaysia, after the appointed date, other than a marriage which is void under the Act, shall continue until dissolve —

(a) by death of one of the parties

I (b) by the order of a court of competent jurisdiction, or

(c) by a decree made by a court of competent jurisdiction that the marriage is null and void.

Berdasarkan peruntukan s 8 Akta tersebut, saya berpendapat meskipun plaintif dan defendan tidak lagi tinggal bersama ataupun meneruskan kehidupan mereka sebagai suami isteri setelah defendan memeluk agama Islam, perkahwinan mereka dianggap berterusan sehinggalah ianya dibubarkan di bawah mana-mana keadaan di bawah s 8 Akta tersebut. Dengan ini defendan masih tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah ini. Tambahan pula permohonan plaintif di sini ialah berkaitan hak jagaan dan kebajikan anak-anak serta nafkah. Sudah tentu plaintif tidak boleh lari dari tanggungjawabnya untuk menanggung anak-anak tersebut. Malah Rahmah Hussain H di dalam kes *Ganga Devi Chelliah lwn Santanan Damondran*, iaitu autoriti yang menjadi sandaran peguam defendan yang bijaksana, telah menyatakan bahawa mahkamah sivil memang mempunyai kuasa untuk mendengar permohonan perceraian dan relif sampingan yang dipohon oleh seseorang bukan Islam di mana salah seorang yang terlibat telah memeluk agama Islam. Sebenarnya persoalan ini telah dengan jelas diputuskan oleh Mahkamah Agung (pada masa itu) di dalam kes *Tay Sung Moi v Too Min Kin* [1994] 3 CLJ 708 di mana Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa prosiding yang melibatkan permohonan untuk relif ansiliari di antara kedua-dua belah pihak yang telah berkahwin di bawah Akta tersebut boleh didengar oleh Mahkamah Tinggi melalui bidang kuasa yang diberi di bawah s 24(a) Akta Kehakiman Mahkamah 1964 walaupun sesuatu pihak telah memeluk agama Islam sebelum permohonan tersebut dibicarakan.

Kesimpulannya, memandangkan defendan dan plaintif telah berkahwin di bawah Akta tersebut dan berdasarkan peruntukan undang-undang dan nas undang-undang yang ada, maka saya memutuskan bahawa mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar relif ansiliari seperti yang dipohon oleh plaintif walaupun defendan telah memeluk agama Islam. Bantahan awalan defendan dengan itu ditolak.

Bantahan awal defendan ditolak.

Dilaporkan oleh Wong Ee Lynn